

Nasional Berita Harian, 18/12/2020, 19/12/20

DBKL kurangkan Belanjawan 2021

Sedia dana RM2.653b laksana pelbagai inisiatif makmurkan warga kota

66.4 peratus untuk perbelanjaan mengurus, manakala RM891 juta (33.6 peratus) untuk pembangunan.

Peruntukan pembangunan terbahagi kepada pembiayaan berjumlah RM623.7 juta (70 peratus), manakala pembiayaan daripada kerajaan dan lain-lain berjumlah RM267.6 juta (30 peratus).

"Demi memastikan keadaan infrastruktur jalan serta sistem saliran sentiasa pada tahap terbaik, DBKL menyediakan lebih RM392 juta bagi projek berkaitan jalan, sungai, cerun dan longkang meliputi semua kawasan di ibu kota.

"Belanjawan ini juga memberi fokus beberapa projek untuk mengatasi banjir kilat di ibu negara dengan jumlah peruntukan hampir RM130 juta," katanya pada pembentangan Belanjawan 2021 DBKL, di sini, semalam.

Tambahnya, DBKL turut menyediakan RM68 juta untuk mem-

baiki dan menyelenggara rumah Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) membabitkan kerja awam, elektrik, mekanikal, kerja lif dan kontrak pembersihan bagi memastikan keselesaan penduduk.

"Bagi memenuhi keperluan penduduk berpendapatan rendah pula, DBKL memperuntukkan RM30 juta bagi projek Perumahan Awam Council Home di Kampung Sungai Udang, Segambut," katanya.

Beliau berkata, DBKL turut menyasar pengurangan intensiti pelepasan Gas Rumah Hijau sehingga 70 peratus menjelang 2030 dengan pelaksanaan bangunan milik DBKL menggunakan tenaga solar pada akhir 2021 dan penggunaan tenaga elektrik untuk perkhidmatan bas GO KL.

Selain itu, katanya, DBKL membelanjakan hampir RM8.7 juta menerusi program kesihatan awam



Mahadi pada pembentangan Belanjawan 2021 DBKL di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto ihsan Facebook DBKL)

dan pencegahan penularan wabak berkenaan bagi peruntukan hidup warga kota terkesan akibat COVID-19.

Mahadi berkata, anggaran hasil 2019 dijangka menurun kepada RM1.964 bilion berbanding RM2.523 bilion pada 2018, iaitu penurunan 22 peratus.

"Cukai taksiran yang dijangka berjumlah RM1.29 bilion merupa-

kan hasil utama yang menyumbang 65.7 peratus kepada hasil keseluruhan DBKL," katanya.

Tambahnya, Belanjawan 2021 membuktikan DBKL sentiasa peka dan prihatin terhadap keperluan, kebajikan dan kesejahteraan warga kota selaras dengan penggunaan tagline baharu #klbandarku dan #klbandaruntukse-mua.

BERNAMA

Kuala Lumpur: Terkesan dengan pandemik COVID-19, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memperuntukkan RM2.653 bilion bagi Belanjawan 2021, berbanding RM2.972 bilion pada tahun ini untuk pelaksanaan pelbagai inisiatif bagi kesejahteraan dan kemakmuran warga kota.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Mahadi Che Ngah, berkata belanjawan bertemakan 'Sayangi Kuala Lumpur, Kota Sejahtera' itu memperuntukkan RM1.762 bilion atau